

Takut sikap pemurah kerajaan

KOTA BHARU 26 Dis. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan pemimpin pembangkang menyerang serta melamparkan pelbagai tuduhan ke atas program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) kerana mereka takut dengan sikap pemurah kerajaan.

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Annuar Musa berkata, golongan itu juga bimbang sikap cakna kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak akan memberikan tamparan serta merugikan mereka sekiranya rakyat dapat menerima segala program yang dilaksanakan.

Beliau berkata, disebabkan itu pembangkang berusaha sedaya upaya mencari jalan untuk menimbulkan persepsi buruk terhadap semua program yang dilaksanakan seperti cukai barangan dan perkhidmatan (GST) serta BR1M kerana mereka tahu itu adalah langkah yang baik untuk rakyat.

"Pembangkang kepentingan dia adalah untuk menjatuhkan kerajaan, dia mahu kerajaan lemah, kerajaan lemah adalah

27/12 UM

kerajaan yang tidak mempedulikan rakyat, tidak membantu rakyat, mempunyai sistem percubaan yang lemah dan tidak ada dana untuk menolong rakyat



ANNUAR MUSA

"Bila itu terjadi maka kerajaan tidak berfungsi, maka pembangkang akan mendapat keuntungan daripada kerajaan yang lemah," katanya dalam sidang akhbar selepas menyampaikan bantuan awal persekolahan sumbangan Yayasan Pelajaran Mara di

Yayasan Kemiskinan Kelantan di sini hari ini.

Annuar yang juga Ahli Parlimen Ketereh berkata, tuduhan yang dilemparkan oleh bekas Presiden UMNO itu tidak berasas sama sekali kerana BR1M dilaksanakan secara telus dan diberikan terus kepada rakyat.

"Seperti mana yang semua kita tahu, BR1M satu program yang dibuat secara telus dengan geran rasmi kerajaan, belanjawan yang diluluskan oleh Parlimen dan penyampaian dibuat secara terbuka serta terus kepada rakyat, langsung tidak ada unsur rasuah," katanya.